



SIARAN MEDIA

PUSAT SIMULASI TINDAKBALAS NUKLEAR MEMPERKUKUH KESIAPSIAGAAN TINDAKBALAS NEGARA TERHADAP INSIDEN RADIOLOGI DAN NUKLEAR

DENGKIL, 9 MEI 2024 – Jabatan Tenaga Atom (Atom Malaysia) telah mengadakan majlis perasmian Pusat Simulasi Tindakbalas Nuklear bertempat di Ibu Pejabat Jabatan Tenaga Atom. Majlis telah dirasmikan oleh YB Tuan Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi.

Pembangunan Pusat Simulasi Tindakbalas Nuklear ini bertujuan untuk memperkukuh kompetensi dan kecekapan anggota Pasukan Tindak Balas Nuklear (PTN) Jabatan Tenaga Atom. Pusat ini juga akan diguna pakai sebagai pusat latihan bagi agensi barisan hadapan seperti Polis Diraja Malaysia, Jabatan Bomba Dan Penyelamat, Kastam Diraja Malaysia dan lain-lain jabatan berkaitan. Pusat Simulasi ini juga akan menjadi pusat latihan bagi melatih Pegawai Perlindungan Sinaran di sektor swasta dan kerajaan serta pelatih-pelatih dari dalam dan luar negara. Penubuhan Pusat Simulasi ini adalah selari dengan Arahan 20 Majlis Keselamatan Negara (MKN) di mana Atom Malaysia bertindak sebagai agensi peneraju bagi kemalangan radiologi dan nuklear.

Menurut YB Chang Lih Kang, PTN ini akan dapat meningkatkan keselamatan, sekuriti dan kawalgunaan aktiviti tenaga atom berdasarkan Akta 304 di negara ini dan seterusnya dapat melindungi pekerja dan orang awam dari risiko sinaran serta dapat mengurangkan impak negatif kepada alam sekitar.

Dalam majlis ini juga, Kerajaan melalui Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Atom Malaysia telah mengambil inisiatif untuk memberikan kelulusan

permohonan lesen maksimum tiga (3) tahun kepada semua pemohon yang memenuhi kriteria yang ditetapkan berkuatkuasa mulai Jun 2024. Berbanding sebelum ini, kelulusan permohonan lesen diberi untuk tempoh satu, dua atau tiga tahun. Inisiatif ini diharap akan dapat merancakkan perkembangan industri nuklear dan meningkatkan pelaburan dalam negara di samping menyediakan jaminan pekerjaan yang berterusan kepada rakyat serta dapat menjana hasil atau pendapatan negara dengan lebih cepat.

Kerajaan juga sedang meminda Akta 304 bagi memanjangkan tempoh kelulusan permohonan lesen melebihi tiga (3) tahun. MOSTI akan memastikan pindaan Akta 304 ini dapat disegerakan dan diwartakan pada awal tahun hadapan untuk menarik minat pelabur dan industri nuklear berteknologi tinggi di negara ini dan di samping akan terus memastikan aspek keselamatan, sekuriti dan kawalgunaan aktiviti tenaga atom menjadi keutamaan Atom Malaysia.

Sehingga kini jumlah pemegang lesen di bawah Akta 304 bagi sektor industri adalah 1,810 syarikat manakala sektor perubatan adalah 5,164. Jumlah ini dijangka meningkat melalui pelbagai inisiatif menarik yang disediakan oleh Kerajaan.

TAMAT

Dikeluarkan oleh

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN TENAGA ATOM (ATOM MALAYSIA)
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
9 MEI 2024**

Pertanyaan Media:

Nor Rokiah Alias 019-325 4040
Nor Faezah Rabani 019-729 9096